

**KEMENTERIAN DALAM NEGERI
KENYATAAN MEDIA**

**MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN KEMENTERIAN DALAM NEGERI BULAN
APRIL 2025 DAN PELUNCURAN SISTEM PENGURUSAN ADUAN DAN
KENDALIAN SIASATAN OLEH SURUHANJAYA BEBAS
TATAKELAKUAN POLIS**

PUTRAJAYA, 22 APRIL 2025 – Kementerian Dalam Negeri (KDN) hari ini telah mengadakan Majlis Perhimpunan Bulanan bagi bulan April 2025 bertempat di Auditorium, Aras 5, Kompleks Setia Perkasa 8, Putrajaya.

Majlis ini telah disempurnakan dengan kehadiran YB Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Dalam Negeri serta barisan pengurusan tertinggi KDN, termasuk YB Datuk Seri Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah, Timbalan Menteri Dalam Negeri dan YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, Ketua Setiausaha KDN.

Antara pengisian utama majlis adalah tayangan montaj rangkuman pelaksanaan Program KDN sepanjang bulan Februari dan Mac 2025, tayangan imbasan pencapaian Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC) bagi tahun 2024 serta Majlis Peluncuran Sistem Pengurusan Aduan dan Kendalian Siasatan (SPEAKS).

SPEAKS merupakan inisiatif sistem yang dibangunkan oleh IPCC dengan kerjasama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat KDN dan Jabatan Digital Negara (JDN). Sistem ini boleh diakses untuk kegunaan orang awam bermula hari ini.

SPEAKS berfungsi sebagai platform digital bagi pengurusan aduan berkaitan salah laku anggota polis. Ia membolehkan orang awam membuat aduan secara dalam talian, mendapatkan maklumat status aduan, dan menerima maklum balas secara telus. Di samping itu, sistem ini turut membantu mempercepatkan proses penyiasatan dalaman serta memantapkan penyelarasan antara IPCC dan agensi yang terlibat.

Pelaksanaan SPEAKS mencerminkan komitmen Kerajaan dalam memperkukuh integriti, ketelusan dan akauntabiliti institusi keselamatan melalui pendigitalan sistem penyampaian perkhidmatan yang lebih efisien dan sistematik.

Majlis turut diserikan dengan ucapan alu-aluan oleh Ketua Setiausaha KDN, YBhg. Datuk Awang Alik bin Jeman, serta ucapan oleh YB Menteri Dalam Negeri yang menekankan kepentingan penerapan budaya kerja berintegriti dan penyampaian perkhidmatan awam yang cemerlang, telus dan bertanggungjawab.

TAMAT

Disediakan oleh:

Seksyen Komunikasi Korporat

Suruhanjaya Bebas Tatakelakuan Polis (IPCC)

Tarikh: 22 April 2025